

**PENGARUH PEMIKIRAN DAKWAH HASAN AL-BANNA
TERHADAP GERAKAN MUHAMMADIYAH DI INDONESIA**

oleh

JASAFAT

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi ijazah
Doktor Falsafah**

Februari 2009

PENGHARGAAN

Awal dari segalanya, Syukur *Alhamdulillah* ke hadirat Allah S.W.T. yang dengan reda dan keizinanNya telah mengurniakan kekuatan mental dan fizikal sehingga tesis ini dapat diselesaikan. Peranan individu dan pihak tertentu yang telah membantu mempermudah penyelidikan dan penulisan tesis ini, hanya ucapan terima kasih yang dapat penulis sampaikan.

Pertama, ucapan terimakasih kepada Prof. Madya Dr. Noor Shakirah binti Mat Akhir yang telah bertungkus lumus memberikan pendapat dan teguran sepanjang penyeliaan. Kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan iaitu Prof. Dato' Abu Talib Bin Ahmad dan Prof. Madya. Dr. Sohaimi Abd Aziz yang telah memberikan berbagai kemudahan. Pihak IAIN dan Fakultas Dakwah IAIN Ar-Raniry yang telah memberikan bantuan dan sokongan sepenuhnya.

Terima kasih tidak terhingga atas limpahan kasih sayang, pengertian dan do'a yang diberikan oleh ayahanda Drs. Tgk. H. Ismail Yacob, kanda Drs. H. Azhary Basar beserta seluruh keluarga.

Terima kasih di atas segala sokongan dan cinta kasih isteri Dra. Erna Mulyani dan anak-anak (Yusna Musfirah, Astura Mumtaz dan Syamira Balqis). Pengorbanan kalian tiada sebanding dengan pencapaian yang didapati, oleh itu maafkanlah jika selama ini kalian tidak mendapatkan kasih sayang sewajarnya dari seorang ayah yang berstatus suami.

Sanjungan kasih yang tidak bertepi untuk almarhum Ayahanda Hardial dan Bonda Faridah beserta Allahyarham Abu H. Basah dan Ummi Hj. Asiyah. Semoga keberhasilan ini bererti untuk keluarga.

Penghargaan dan terima kasih kepada kawan-kawan yang telah menyokong penulis terutama adinda Mujiburrahman, Ahmad Feleks, Dr. Nazarudin bin Zainul dan Drs. Ramly M. Yusuf, kawan-kawan yang tergabung dalam Aceh Promotion Centre, sahabat yang tergabung dalam Pusat Kajian dan Pengabdian Masyarakat (PKPM)

Aceh, Indonesian Postgraduate Student and Alumni Association (IPSAA) dan Aceh Student Committee (ASC).

Saya yakin bahawa tesis ini masih terdapat banyak kelemahan, oleh itu dengan sangat gembiranya penulis mengharapkan perbaikan dan masukan dari berbagai pihak. Atas segala partisipasinya diucapkan terimakasih dan *Insyallah* akan mendapat balasan di sisi Allah S.W.T.

Universiti Sains Malaysia 2009
W a s s a l a m,

J a s a f a t

BAB TIGA
PEMIKIRAN DAKWAH HASAN AL-BANNA

3.1. Kelahiran Hasan al-Banna	92
3.2. Riwayat Pendidikan Hasan al-Banna	93
3.3. Pengaruh Guru Dalam Pemikiran Hasan al-Banna	97
3.4. Keadaan Wilayah Dakwah Hasan al-Banna	99
3.4.1. Keadaan Politik	99
3.4.2. Keadaan Sosial Ekonomi	106
3.4.3. Keadaan Sosial Keagamaan	110
3.5. Aktiviti Dakwah Hasan al-Banna	115
3.5.1. Dakwah Fasa Isma'iliyah	115
3.5.2. Penubuhan Ikhwanul Muslimin	117
3.5.3. Dakwah Fasa Kaherah	121
3.6. Kaedah Dakwah Hasan al-Banna	126
3.6.1. <i>Da'wah bi al-Lisān</i>	127
3.6.2. <i>Da'wah bi al-Kitābah</i>	131
3.6.3. <i>Da'wah bi al-Hāl</i>	138
3.6.3.1. Organisasi Dakwah	139
3.6.3.2. Pembinaan Individu	146
3.6.3.3. Pembinaan keluarga	147
3.6.3.4. Masyarakat Islam	150
3.6.3.5. Pemerintahan Islam	151
3.7. Pelaksanaan Dakwah Secara Bebas	153
3.7.1. Pendidikan	155
3.7.2. Ekonomi	157
3.7.3. Kenegaraan	163

BAB IV
GERAKAN MUHAMMADIYAH

4.1. Tokoh Pendiri Muhammadiyah	168
4.2. Riwayat Pendidikan K.H. Ahmad Dahlan	171
4.3. Proses Lahirnya Muhammadiyah	179
4.3.1. Faktor Dalaman	179
4.3.2. Faktor Luaran	186
4.3.2.1. Ketidak murnian amalan umat Islam	188
4.3.2.2. Institusi pendidikan tidak menyiapkan generasi dakwah	191
4.3.2.3. Meningkatkan usaha Kristianisasi	192
4.3.2.4. Pengaruh Program Pendidikan Kolonial	194
4.3.2.5. Pengaruh Gerakan Pembaharuan	195
4.3.3. Usaha-Usaha Untuk Diiktiraf	204
4.5. Pengertian Muhammadiyah	217
4.6. Bentuk dan Erti Lambang Muhammadiyah	217
4.7. Maksud dan Tujuan Muhammadiyah	219
4.8. Gerakan Muhammadiyah Bidang Keagamaan	223
4.9. Gerakan Muhammadiyah Dalam Bidang Pendidikan	227
4.10. Gerakan Muhammadiyah Dalam Bidang Kemasyarakatan	233
4.11. Gerakan Muhammadiyah Dalam Bidang Ekonomi	238
4.12. Bidang Politik Kenegaraan	241
4.13. Organisasi-Organisasi Autonomi	249

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SISTEM TRANSLITERASI	vii
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiii

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Kajian	1
1.2. Pernyataan Masalah	9
1.3. Tinjauan Kajian Lepas	10
1.4. Batasan Kajian	18
1.5. Kepentingan Kajian	18
1.6. Objektif Kajian	22
1.7. Kaedah Kajian	22

BAB DUA DAKWAH DAN ASPEK-ASPEKNYA

2.1. Pengertian dan Skop Dakwah	26
2.2. Dasar Dakwah	30
2.2.1. Dakwah peringkat Makkah	35
2.2.2. Dakwah Peringkat Madinah	38
2.3. Kedudukan Dakwah	40
2.4. Fungsi Dakwah	45
2.5. Sasaran Dakwah	48
2.5.1. Sasaran dakwah dalaman	54
2.5.2. Sasaran dakwah luaran	56
2.6. Kaedah Dakwah Islamiyyah	63
2.6.1. Bi al-Ḥikmah	64
2.6.2. Al-Mau'izah al-Ḥasanah	67
2.6.3. al-Mujādalah Bi al-Latī Hiya Aḥsan	71
2.7. Faktor-Faktor Penyokong Dakwah	81

4.13.1. 'Aisyiyah	250
4.13.2. Pemuda Muhammadiyah	253
4.13.3. Nasyi'atul Aisyiyah	255
4.13.4. Ikatan Remaja Muhammadiyah	259
4.13.5. Ikatan Mahasiswa Muhammadiyah (IMM)	262
4.13.6. Tapak Suci Putera Muhammadiyah	265
4.13.7. Hizbul Watan	270

BAB LIMA
PERSAMAAN DAN PERBEZAAN ANTARA PEMIKIRAN
HASAN AL BANNA DENGAN GERAKAN DAKWAH MUHAMMADIYAH

5.1.	Kaedah Pemikiran Dakwah Hasan al-Banna	275
5.2.	Kaedah Pemikiran Dakwah Muhammadiyah	279
	5.2.1. Muhammadiyah Sebagai Gerakan Islam	279
	5.2.2. Muhammadiyah Sebagai Gerakan Dakwah	280
	5.2.3. Muhammadiyah Sebagai Gerakan Tajdid	280
5.3.	Gerakan Dakwah Muhammadiyah	283
5.4.	Persamaan dan Perbezaan Diantara Keduanya	288
	5.4.1. Aspek Kemasyarakatan	288
	5.4.2. Aspek Pendidikan	296
	5.4.3. Aspek Ekonomi	304
	5.4.4. Aspek Kenegaraan	307

BAB ENAM
P E N U T U P

6.1.	Kesimpulan	328
6.2.	Saranan-Saranan	336
BIBLIOGRAFI		338

LAMPIRAN

- A. Lambang Muhammadiyah
- B. Lambang Ikhwanul Muslimin

SISTEM TRANSLITRASI HURUF ARAB KE HURUH RUMI

Berdasarkan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jawatan Kuasa Tetap Bahasa Malaysia Kementerian Pelajaran Malaysia 2003

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘

غ
ف
ق
ك
ل
م
ن
و
ء
ه
ي
ة

gh
f
q
k
l
m
n
w
,
h
y
t

Pendek

_____ / _____ a
_____ i
_____ و _____ u

Panjang

ا _____ ā
ي _____ ī
و _____ ū

Diftong

اي _____ ay
او _____ aw

SENARAI SINGKATAN

AS	: 'Alayhi Salam
BKIA	: Balai Kesihatan Ibu dan Anak
BTM	: Baitut Tamwil Muhammadiyah.
BUMM	: Badan Usaha Milik Muhammadiyah
D.I. Yogyakarta	: Daerah Istimewa Yogyakarta
D.K.I. Jakarta	: Daerah Khusus Ibukota Jakarta
Dkk	: Dan kawan-kawan
DPP	: Dewan Pimpinan Pusat
H.	: Hijriyah
Hal	: Halaman
Ibid	: Ibidem bermaksud rujukan sama dengan yang disebutkan sebelumnya dari buku dan muka surat yang sama tanpa diselangi oleh rujukan yang lain.
Inst.	: Institut
K.H.	: Kiyai Haji
M.	: Masehi
MA	: Madrasah Awaliyah
MI/MD	: Madrasah Ibtidaiyah/Diniyah
MTs	: Madrasah Tsanawiyah
NAZI	: Nation-Sozialismus
r.a.	: Radi Allhu 'anhu
RS	: Rumah Sakit
S.A.W	: Sallallahu 'Alaihi Wassalam
S.D	: Sekolah Dasar
SMK	: Sekolah Menengah Kejuruan

SMP	: Sekolah Menengah Pertama
SMU	: Sekolah Menengah Umum
ST	: Sekolah Tinggi
STAF	: Sidiq Amanah Tabliq Fatanah
SWT	: Subhanahu wa ta'ala
t.k	: Tanpa kota
t.p.	: Tanpa penerbit
t.t.	: Tanpa tahun
Univ.	: Universiti

PENGARUH PEMIKIRAN DAKWAH HASAN AL-BANNA TERHADAP GERAKAN MUHAMMADIYAH DI INDONESIA

A B S T R A K

Pembaharuan memasuki dunia Islam dengan membawa idea-idea baru untuk mempengaruhi pemikiran dan gerakan Islamiyyah. Adapun tokoh-tokoh pembaharuan yang telah berjasa dalam melaksanakan tugas-tugas pembaharuan di Mesir, seperti Ibnu Taimiyyah (1263-1328 M), Syaikh Abdul Wahhab (1703-1787) Sayyid Jamaluddin al-Afghani (1838-1897) dan Muhammad Abduh (1849-1905) serta Muhammad Rasyid Ridha (1856-1935).

Di Mesir, kelanjutan perjuangan mereka telahpun diwarisi oleh Hasan al-Banna merupakan tokoh yang ambil peduli terhadap permasalahan umat Islam. Pemikiran Hasan al-Banna wujud dalam aktiviti dakwah Islamiyyah secara syumul, iaitu mencakupi segala aspek kehidupan seperti kemasyarakatan, pendidikan, ekonomi dan politik kenegaraan. Pengaruh pemikiran Dakwah Hasan al-Banna berkembang hampir di seluruh Jazirah Arab, bahkan sampai ke luar negara sehingga ke Indonesia.

Di Indonesia yang majoriti masyarakatnya beragama Islam telah pun merasakan adanya perubahan secara nyata dalam kehidupan beragama dan kemasyarakatan. Perubahan ini merupakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh K.H. Achmad Dahlan melalui organisasi Muhammadiyah yang ditubuhkan pada 8 Zulhijjah 1330 H bertepatan pada 18 November 1912 M.

Pemikiran dan gerakan dakwah yang dilaksanakan oleh dua tokoh ini penting dikaji demi pengembangan ilmu-ilmu keislaman serta dapat menambah warisan intelektual bagi pemikir-pemikir Islam. Selain itu kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai asas bagi pengembangan dakwah, baik di peringkat nasional, serantau, mahupun antarabangsa.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji adakah pengaruh antara pemikiran dakwah Hasan al-Banna dengan gerakan Muhammadiyah secara langsung. Untuk mencari jawapannya digunakan kaedah sejarah dan analisis isi. Oleh yang demikian akan diketahui sejauh mana pengaruh Hasan al-Banna terhadap Muhammadiyah.

Dapatan kajian mendapati walaupun banyak persamaan-persamaan yang mereka laksanakan, tidak bererti mereka memiliki pengaruh secara langsung, namun mereka sama-sama menggunakan kaedah-kaedah yang pernah diterokai oleh tokoh-tokoh terdahulu dan dipadukan dengan pengetahuan dan pengalaman mereka bersesuaian dengan keperluan dan situasi zaman masing-masing.

THE INFLUENCE OF HASAN AL-BANNA THINKING ON DA'WAH TOWARDS THE MUHAMMADIYAH MOVEMENT IN INDONESIA

A B S T R A C T

Rejuvenation came into Islam bringing along therewith new ideas to influence the Islamic thinking and movement. Amongst the prominent figures that have notably contributed to the rejuvenation efforts in Egypt, are the likes of Ibnu Taimiyyah (1263-1328 M), Syaikh Abdul Wahhab (1703-1787) Sayyid Jamaluddin al-Afghani (1838-1897) and Muhammad Abduh (1849-1905) as well as Muhammad Rasyid Ridha (1856-1935).

In Egypt, the cause of their struggles was continued by Hasan al-Banna a prominent figure who was mindful about the problems befacing the Muslim ummah. Hasan al-Banna's thinking exists wholistically in Islamic da'wah activities. This means that his thinking includes every aspects of human life such as man's social being, education, economy and politics. Hasan al-Banna's thinking on da'wah has influenced almost the entire Arab Peninsula and beyond which included Indonesia.

In Indonesia, whose majority of its citizen holds onto the Islamic faith, has felt the change clearly in their religious and well as societal life. These changes were the result of efforts made by K.H. Achmad Dahlan through the Muhammadiyah organization that was established on 8 Zulhijjah 1330 H corresponding to 18 November 1912 M.

The thinking and da'wah movement implemented by these two prominent figures are significant to be studied as the findings is intended to provide the impetus to the development of Islamic knowledge as well as the ability to increase the intellectual heritage for Islamic thinkers. In addition it is hoped that this study can be used as a basic platform for the further development of da'wah notwithstanding at the national, regional or international level.

This study is intended to determine whether there is a direct influence between the da'wah thinking of Hasan al-Banna to that of the Muhammadiyah movement. The historical approach and the content analysis methods were used to obtain the findings. Hence the influence of Hasan al-Banna on the Muhammadiyah movement could be gauged and measured.

The findings in this research showed that although numerous similarities exist nonetheless there is no clear indication that there is a direct influence between the two. However both were found to apply the methods that were explored by the earlier prominent figures which had been merged with knowledge and experience that were compatible with the needs and situation of each epoch or particular period.

1.1. Latar Belakang Kajian

Pemikiran¹ dan modenisasi² Islam merupakan fenomena sejarah yang menubuhkan kembali semangat iman, menghidupkan aktiviti pemikiran serta gerakan (*harakah*) dalam bentuk fizikal dan maknawi. Pemikiran bukan bertujuan untuk meruntuhkan bangunan lama lalu membina bangunan baru menurut model terbaru pada tapak lama, tetapi yang dikatakan pembaharuan adalah mengekalkan bangunan lama dengan memantapkan bentuknya yang asal dengan segala persekitarannya. Usaha-usaha tersebut dinamakan pembaharuan yang hakiki dan menjadi tuntutan agama.³

Pembaharuan adalah sesuatu keperluan bagi umat untuk memurnikan semula kefahaman dan amalan Islam sebaik sahaja dinodai oleh unsur jahiliyah.⁴ Pembaharuan membawa cubaan-cubaan bagi umat Islam sehingga mendorong mereka mencari sebab-sebab kejatuhan dan kehinaan yang menimpa. Berawal dari kesedaran ini, mereka menemukan kesedaran baru, iaitu: menghidupkan iman, mengaktifkan pemikiran, dan menggairahkan gerakan Islam.

Pembaharuan yang sedang dibincangkan ini merupakan fasa kesedaran baru yang sedang marak di Mesir dan Indonesia selepas fasa kehinaan akibat dijajah. Kebangkitan ini telah mempengaruhi organisasi-organisasi Islam dan membawa kesedaran baru dengan misi mengembalikan kepercayaan dan kebenaran Islam serta kebesaran sejarahnya. Kebangkitan Islam wujud bentuk aktiviti sosial yang mendidik generasi muda, memakmurkan masjid, dan membersihkan sifat-sifat tercela. Selain itu,

¹ Membawa idea-idea baru yang merupakan ciri daripada peradaban moden ke dunia Islam, seperti rasionalisme, Liberalisme, nasionalisme, demokrasi dan sebagainya. A.K. Brohi, *Islam in The Modern World*, hal. 88-89.

² Segala fikiran, aliran dan gerakan serta usaha-usaha untuk merubah fahaman, istiadat, institusi lama dan sebagainya supaya bersesuaian dengan suasana baru yang ditimbulkan oleh kemajuan ilmu dan teknologi. Fadhlullah Jamil, *Islam di Asia Barat Moden: Penjajahan dan Pergolakan*, hal. 27.

³ Yusuf al-Qaradawy, *Awlawiyyat al-Harakah al-Islamiyyah*, hal. 102.

⁴ Abul 'A'la al-Maududi, *Mujam Tarikh Tajdid al-Din wa lhyā'ihī*, hal. 52.

kebangkitan Islam bergerak dalam bidang kenegaraan untuk menempatkan Islam dalam politik. Sebahagian kebangkitan digerakkan oleh banyak organisasi Islam, meskipun tidak seluruhnya untuk diperbincangkan.

Bahkan, gerakan kebangkitan Islam tidak hanya dihubungkan dengan pemikiran para aktivis yang terorganisir, melainkan harus dilihat kecenderungan-kecenderungan pemikiran yang lain. Fenomena sosial yang luas dan kesedaran membaja untuk memisahkan diri dari gaya hidup Eropah dan kembali ke pangkuan Islam telah mendorong umat untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam realiti kehidupan.

Kebangkitan Islam menimbulkan berbagai pengaruh kepada dunia. Kebangkitan merupakan respon terhadap berbagai cabaran dan bekerja sama dengan kekuatan sejarah lain yang bergerak di negeri-negeri lain. Dalam pengertian, kebangkitan Islam bukan bercampur dengan idea-idea Islam sahaja, melainkan dalam realiti serta berbagai aliran dan fahaman. Oleh itu, perlu dikembalikan erti kebangkitan Islam kepada sumbernya secara keseluruhan.

Salah satu tanda yang paling menonjol dalam sebuah kebangkitan ialah munculnya bermacam pemikiran. Pemikiran merupakan wujud dari suatu gerakan, baik dari konteks bangsa mahupun umat. Ketika perjalanan sejarah kaum muslimin memasuki zaman kebangkitan moden, dunia Islam diramaikan dengan aksi harakah pemikiran yang bermacam-macam bentuknya. Sesuai dengan kapasitasnya, pemikiran-pemikiran tersebut ikut memberi sumbangan kepada kebangkitan Islam.

Pada kenyataannya, watak dan ciri sebuah pemikiran, aktivitiya sangat ditentukan oleh situasi dan kondisi pada zamannya. Jika sesebuah pemikiran atau harakah yang memfokuskan satu aspek kehidupan, maka akan melahirkan gerakan yang tidak menyeluruh. Kontribusinya terhadap kebangkitan terhad hanya kepada aspek yang menjadi fokus aktivitiya sahaja, meskipun gerakannya akan mempengaruhi aspek lainnya. Sebaliknya sebuah harakah Islamiyah yang fokus

gerakannya mencakup seluruh aspek kehidupan, maka sumbangannya terhadap kebangkitan akan dirasakan dalam seluruh aspek kehidupan umatnya.

Keadaan umat Islam pada kurun ke-18 berada dalam kemerosotan yang paling teruk, baik dari segi agama mahupun moral. Ajaran tauhid yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. telah dicemarkan dan berada dalam kemerosotan. Masyarakat Islam umumnya telah terdedah pada bahaya syirik, khurafat, tahyul dan tasawuf yang melampaui batas. Umat Islam juga lebih gemar kepada azimat dan tangkal, memuja kubur-kubur para wali atau orang-orang yang dianggap keramat. Selain itu, bid'ah dan kezaliman telah menjadi amalan harian.⁵ Gejala-gejala negatif tersebut berkembang kerana masyarakat telah mengabaikan prinsip Islam yang sebenarnya. Mereka tunduk kepada hawa nafsu dan membiarkan diri dibuai oleh perasaan puas hati. Lantaran itu mereka menjadi jahil dan suka bertaqlid dalam persoalan keagamaan dan kehidupan seharian⁶.

Di tengah kacau bilau itulah, muncul gerakan dakwah *Islamiyyah* yang di peringkat awalnya berlaku di kawasan Asia Barat (Timur Tengah). Respon terhadap kondisi tersebut, maka sejumlah pemikir dan pemimpin Islam di antaranya Muhammad bin Abdul Wahab (1703-1789), Sayyid Jamaludin al-Afghani (1839-1897) dan kemudian dilanjutkan oleh Syaikh Muhammad Abduh (1849-1905).⁷ Semasa hayatnya, mereka telah mengasaskan sebuah pergerakan *tajdid*, iaitu bagi memurnikan Islam daripada segala pencemaran yang disebabkan oleh para penganut yang jahil.⁸ Pemurnian yang dilaksanakan melibatkan soal aqidah dan amalan-amalan Islam. Sesungguhnya kebangkitan yang dilakukan bukanlah peristiwa sejarah yang timbul atau terjadi secara kebetulan. Sebenarnya, apa-apa yang berlaku itu adalah *sunnatullāh*.⁹ Allah s.w.t dengan kuasanya telah memilih untuk menyelamatkan

⁵ Fadhullah Jamil, *Islam Zaman Moden: Cabaran dan Konflik*, Selangor, hal.45-49

⁶ Fadhullah Jamil, *Ibid*.

⁷ Talhas, T.H., *Alam Pikiran K.H. Ahmad Dahlan dan K.H. M. Hasyim Asy'ari, Asal-Usul Dua Kutub Islam di Indonesia*, hal. 13-14

⁸ Talhas, T.H., *Ibid*.

⁹ Talhas, T.H., *Ibid*

manusia dari kehancuran dan Allah akan melahirkan di tengah-tengah masyarakat seorang individu atau segolongan insan untuk menjalankan pemurnian seperti yang dihendaki.¹⁰ Tentang hal ini telah dijelaskan dalam suatu hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. telah menegaskan :

إن الله يبعث لهذه الأمة على رأس كل مائة سنة من يجدد لها دينها

Maksudnya: Sesungguhnya Allah akan membangkitkan dari umat (Islam) daripada setiap seratus tahun akan para mujaddid yang akan memperbaharui (jiwa dan semangat) agama mereka (Hadith Riwayat Abu Daud dan al-Hakim daripada Abu Hurairah r.a.)¹¹

Berdasarkan petikan hadith tersebut, maka jelaslah bahawa sejak beberapa zaman yang lampau lagi telah muncul para *mujaddid* di kalangan umat manusia. Mereka lahir bukan sahaja atas dasar keinginannya sendiri kerana tuntutan masyarakat pada masa itu, tetapi juga sangat ditentukan oleh kehendak Allah. Misalnya Maulana Abu 'Ala al-Maududi, beliau adalah seorang ulama dan juga *mujaddid* pada abad ke-20. Beliau juga telah membincangkan masalah *tajdid*. Sehubungan dengan itu beliau telah menyebutkan tentang kemunculan beberapa tokoh *mujaddid* yang antaranya termasuk khalifah Umar bin 'Abdul 'Aziz, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Ghazali dan Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah.¹² Mereka mewakili gerakan pembaharu yang lahir dalam dinamika masyarakat Islam sendiri, tanpa sesuatu rangsangan dari luar.¹³ Ibnu Taimiyyah tampil untuk membantras keruntuhan moral, khurafat, bid'ah dan taqlid yang melanda umat Islam ketika itu.

Sementara itu, kebangkitan gerakan dakwah Islamiyyah juga melibatkan proses *islāh*, yakni membetulkan atau membaiki semula. *Islāh* dalam konteks ini, bermaksud membaiki sesuatu yang telah rosak.¹⁴ Seperti Syah Waliyyullah al-Dahlawi (1763 M), Muhammad bin Abdul Wahab (1703-1789), Sayyid Jamaludin al-Afghani (1839-1897) dan kemudian dilanjutkan oleh Syaikh Muhammad Abduh (1849-1905),

¹⁰ Talhas, T.H., *Ibid*

¹¹ Abū Daud, *Sunan*, Juz IV, hal.109

¹² Abul A'la Maududi, *A Short History of the Revivalist Movement in Islam*, hal.45-81

¹³ Dewan Redaksi Ensiklopedi Islam, *Ensiklopedi Islam*, hal.43

¹⁴ Zainal Abidin Ahmad, *Sejarah Islam dan Umatnya Sampai Sekarang*, Bahagian Ketiga, hal.234

Rasyid Rida (1935) yang berusaha meningkatkan pemikiran dan amalan umat.¹⁵ Mereka banyak meninggalkan khazanah pemikiran dan pengalaman, selain menyempurnakan permasalahan zaman dan lingkungan masing-masing.¹⁶

Tokoh-tokoh *mujaddid* dakwah ini cuba melihat hubungan antara dakwah dengan unsur-unsur kehidupan dan politik kenegaraan. Dakwah bukan sekadar nasihat dan tabligh malah ia sesungguhnya meliputi semua dimensi kehidupan insan, kerana *al-Amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar* juga merangkumi semua aspek kehidupan. Dengan demikian aspek kenegaraan juga menjadi sebahagian dari dakwah seperti juga aktiviti lain seperti ekonomi, budaya, sosial (pendidikan dan kenegaraan) dan lain-lain. Dalam erti kata tokoh-tokoh *mujahid* dakwah ini berusaha mengislamkan seluruh aspek kehidupan manusia.¹⁷

Dunia Islam khususnya di Mesir pada sekitar pertengahan abad ke-20 mempunyai seorang tokoh pemikir Islamiyah bernama Hasan al-Banna (1906-1949 M), beliau merupakan orang pertama yang memperjuangkan dan menegakkan ajaran Islam melalui keluarga (*al-usrah*). Usrah yang dibina oleh al-Banna kemudiannya menjadi sebuah pertubuhan besar dan berkembang hampir ke seluruh negara Islam. Kelompok-kelompok usrah inilah yang kemudiannya menjadi asas bagi terbentuknya pertubuhan Ikhwanul Muslimin, dengan tokoh utamanya Hasan Al-Banna.¹⁸

Menurut Hasan al-Banna, *usrah* memiliki tiga tiang utama iaitu; pertama saling kenal, yang akan menjamin persatuan; kedua, ahli *usrah* harus saling memahami satu sama lain, dan saling menasihati; ketiga, memperlihatkan kebersamaan dengan saling membantu.¹⁹ Jadi jelaslah bahawa *al-usrah* merupakan sikap menyeluruh dan lambang bagi masyarakat muslimin ideal. Sikap orang yang beriman akan mengasihi antara satu sama lain seperti saudara dan sama-sama berusaha meningkatkan aspek

¹⁵ Muhammad Ahmad Rashid, *Al-Muntalāq*, Syiriyah: Mu 'assasah al-Risalah, hal. 7

¹⁶ Siddiq Fadil, "Pra Kata" dalam Mohammad Kamil Hj. Abd. Majid, *Tokoh-Tokoh Pemikir Islam*, hal. Viii.

¹⁷ M. Amin Rais, *Cakrawala Islam, Antara Cita dan Fakta*, Cet. I, hal. 2

¹⁸ Hasan Al-Banna, *Nizām Al-Usrah Risālah Al-Ta'īm*. Dilengkapi dengan risalah: Kewajiban Seorang Aktivistis dan Sepuluh Butir Wasiat. hal. 102 Lihat Anis Matta, Rofi' Anwar, Saptorini, *Risalah Pergerakan Ikhwanul Muslimin*, hal. 22.

¹⁹ Hasan Al-Banna, *Ibid*.

keagamaan, sosial-budaya dalam kehidupan yang harmoni. Idea-idea tersebut akan dikaji lebih mendalam melalui gerakan dakwahnya yang lebih luas.

Pemikiran dakwah Hasan al-Banna wujud dalam gerakan yang paling berpengaruh pada masanya untuk mengarahkan kembali masyarakat Muslim kepada Islam sebenar, iaitu berdasarkan kepada petunjuk Al-Qur'an dan Hadith. Hasan al Banna dalam pemikiran dakwahnya berusaha untuk mengubah cara berfikir para intelektual yang sebelumnya lebih mementingkan para penguasa berbanding nasib umat. Melalui gerakan inilah kemudian beliau menjadi pemimpin yang berpengaruh dalam agama, sosial dan politik, bukan sahaja di Mesir, tetapi juga di dunia Arab dan Islam umumnya.

Dasar pemikiran dakwah Hasan al-Banna dimulai dengan membentuk peribadi Muslim (*al-syakhṣiyyah al-Islāmiyyah*), membentuk rumah tangga dan keluarga Islam (*al-usrah al-Islāmiyyah*), cara hidup masyarakat Islam (*al-mujtama' al-Islāmiyyah*) serta menuju kepada pemerintahan Islam (*al-hukūmah al-Islāmiyyah*).²⁰

Kebangkitan dakwah yang digerakkan oleh Hasan al-Banna berikutnya adalah semasa daulah Uthmayyah jatuh (pada awal abad-20), ketika itu dunia Islam telah berpecah belah yang disertai pula dengan serangan fikiran (*ghazwu al-fikr*) dari barat yang menjajah umat Islam di zaman moden. Hasan al-Banna tampil ke depan memimpin barisan muslimin dengan berbagai-bagai cara. Beliau berusaha menyatupadukan muslimin, melawan penceroboh dengan berjihad menentang serangan pemikiran dan aqidah. Mereka berusaha menghapuskan sifat bacul, sikap ikut-ikutan, menjauhkan diri dari Islam dan sikap putus asa yang menodai jiwa muslimin. Diharapkan dengan usaha itu, Islam akan berdaulat kembali, negara yang agung akan ditegakkan semula dan bendera kemenangan Islam akan berkibar di

²⁰ Hasan al-Banna, *Majmū'ah Al-Rasā'il*, hal. 143. Lihat juga dalam Majalah Suara Hidayatullah, (Agustus 2000), Artikel, *Banyak Jalan Menuju Kehidupan Islami*, hal. 12

seluruh dunia Islam dan di dunia seluruhnya dengan panji-panji hak, keadilan, kesejahteraan dan keamanan.²¹

Di Indonesia harakah Islam pada awalnya muncul dan berkembang di Pulau Jawa. Salah satu organisasi yang mempeloporinya adalah Muhammadiyah (18 November 1912), sebagai gerakan Islam, beraqidah Islam dan bersumber pada Al Qur'an dan Sunnah.²²

Gerakan Muhammadiyah yang ditubuhkan oleh K.H. Ahmad Dahlan, sesungguhnya merupakan salah satu mata rantai dari gerakan pembaharuan Islam yang dimulai sejak tokoh pertamanya, iaitu Ibnu Taimiyah (1263/661H-1328/727 H.), Ibnu Qayyim al-Zaujiyah (1292-1350), Muhammad bin Abdul Wahab, Sayyid Jamaludin al-Afghani dan kemudian dilanjutkan oleh Syaikh Muhammad Abduh, Rasyid Rida.²³

Pada awal abad ke-20 keadaan umat Islam di Indonesia sangat memprihatinkan, baik segi ekonomi mahupun pendidikan.²⁴ Dalam bidang keagamaan banyak amalan-amalan *tahayul*, *bid'ah* dan *kurafat* menjadi amalan masyarakat. Keadaan ini sengaja dibiarkan dan bahkan diciptakan oleh kolonialis Belanda yang ingin berkuasa di Nusantara²⁵. Ertinya pihak kolonialis yang berkuasa pada masa itu tidak ambil peduli terhadap masalah kepercayaan masyarakat Indonesia yang terpesong, sehingga masalah ini dirasakan tidak diambil peduli.

Kondisi masyarakat Islam Indonesia sebelum lahirnya Muhammadiyah dapat dijelaskan seperti berikut :

²¹ Abbas Al Sissi, (Terj. Haji Mohd. Tahir Daeng Mengati), *Dakwah dan Tarbiyah Pandangan Hasan al-Banna*, hal.18

²² Harun Nasution, *Ensiklopedi Islam Indonesia*, hal. 675

²³ Yunan Yusuf, *Teologi Muhammadiyah; Cita Tajdid dan Realitas Sosial*, hal.10. M.Margono Pusposuarno, *Gerakan Islam Muhammadiyah*, hal. 9 Lihat *Islam*, (19-09-2002), Pusat Informasi dan Komunikasi Islam Indonesia, Muhammadiyah

²⁴ Majalah Tempo Interaktif, *Dari Ahmad Dahlan Sampai Amien Rais*, hal. 22

²⁵ Majalah Tempo Interaktif, *Ibid*.

1. Tidak terlaksananya kehidupan beragama sesuai dengan ajaran al-Qur'an dan Sunnah, hal ini disebabkan amalan-amalan syirik, bid'ah dan khurafat, yang menyebabkan ajaran Islam semakin jauh dari kehidupan umatnya.
2. Penjajahan Indonesia, yang menyebabkan keadaan masyarakat sangat memprihatinkan, baik secara politik, ekonomi, sosial mahupun kebudayaan.
3. Tidak terbinanya persatuan dan kesatuan di antara umat Islam. Hal ini akibat daripada tidak wujudnya *ukhwah Islāmiyyah* dan tidak adanya organisasi Islam yang kuat.
4. Kegagalan sebahagian lembaga pendidikan Islam yang tidak dapat memenuhi tuntutan zaman seperti menutup diri dari perkembangan luar serta sistem pendidikan yang sudah tidak bersesuaian.
5. Sikap tidak peduli di kalangan intelektual, yang terkadang merendahkan Islam.
6. Lemahnya kesedaran umat Islam dalam menghadapi tipuhala Belanda (penjajah), yang sering menggunakan politik dan misi Kristian demi kepentingan politik kolonialnya.²⁶

Berdasarkan kondisi objektif pada masa itu, maka ada empat alasan K.H. Ahmad Dahlan untuk menubuhkan organisasi Muhammadiyah. *Pertama*, sebahagian umat Islam tidak lagi memegang teguh Al-Qur'an dan al-Sunnah dalam beramal, sehingga tahyul dan syirik bermaharajalela. Akibatnya, amalan-amalan sebahagian daripada mereka merupakan campuran antara tradisi agama Hindu, Buddha, dan Islam. *Kedua*, lembaga pendidikan agama yang ada ketika itu dinilai tidak efektif. Pesantren, yang menjadi lembaga pendidikan di kalangan bumi putera bawahan, dinilai tidak sesuai dengan tuntutan dan keperluan masyarakat ketika itu. *Ketiga*, kemiskinan menimpa rakyat Indonesia, terutama umat Islam, yang sebagian besar adalah petani dan buruh. Orang muslim yang kaya hanya mementingkan diri mereka sendiri sahaja. Mereka lupa menunaikan kewajiban membayar zakat, akibatnya hak-

²⁶ A. Mukti Ali, *Perbandingan Alam Pikiran Islam Modern di Indonesia dan Mesir*, hal. 10.

hak orang miskin terabaikan. *Keempat*, kebanyakan umat Islam hidup dalam alam fanatisme yang sempit, bertaklid buta, serta berfikir secara dogmatis. Kehidupan umat Islam diwarnai konservatisme, formalisme dan tradisionalisme.²⁷ Maksudnya, pola hidup umat Islam Indonesia digambarkan sebagai umat ortodok yang tidak dapat berkembang, hanya dapat dirasakan pada upacara-upacara formal sahaja dan hanya mampu berfikir seperti kebanyakan orang yang belum berkembang atau tertinggal.

Dari huraian yang telah dijelaskan tersebut di atas menunjukkan bahawa antara Hasan al-Banna dan Muhammadiyah memiliki konsep dan pemikiran yang tersendiri dalam menghadapi permasalahan umat, mereka sama-sama berhadapan dengan kondisi penjajahan yang berusaha untuk menghancurkan tamadun Islam dan menggantikan dengan perilaku dan budaya Barat. Walaupun mereka berada di negara yang berbeza iaitu Mesir dan Indonesia tetapi mereka sama-sama menggunakan pendekatan dakwah dalam menghadapi permasalahan umat. Melalui persamaan-persamaan bentuk dan kaedah pergerakan mereka, maka pengkaji merasa tertarik untuk mengkaji dan menganalisis secara lebih mendalam mengenai pemikiran dakwah Hasan al Banna dan gerakan dakwah Muhammadiyah di Indonesia.

1.2. Pernyataan Masalah.

Berdasarkan pada latar belakang kajian seperti yang telah dikemukakan di atas, perbincangan kajian ini akan berkisar pada tiga persoalan utama, iaitu :

1. Bagaimana dasar-dasar pemikiran dakwah Hasan al-Banna?
2. Bagaimana bentuk dan kaedah dakwah yang digunakan oleh Muhammadiyah?
3. Adakah pengaruh antara pemikiran dakwah Hasan al-Banna terhadap gerakan Muhammadiyah di Indonesia?

²⁷ Majalah Tempo Interaktif, *Dari Ahmad Dahlan Sampai Amin Rais, Ibid.*

Soalan-soalan tersebut sangat menarik untuk dicari jawapan-jawapan yang logik dan akurat. Oleh kerana itu sangat layak untuk dijadikan suatu penyelidikan khas yang berhubungkait dengan isu-isu tentang kaedah dan bentuk gerakan dakwah yang telah di peraktikkan oleh Hasan al-Banna dan Muhammadiyah di Indonesia.

1.3. Tinjauan Kajian Lepas.

Terdapat pelbagai karya ilmiah yang telah diterbitkan oleh pengkaji terdahulu antaranya, Anwar al-Jundi, (1978), menulis buku yang bertajuk *Hasan al-Bannā al-Dā'iyah al Imām wa al-Mujaddid al-Syahid*. Buku ini membahas tentang biografi Hasan Al-Banna baik sebagai da'i dan Imam Mujahid yang Syahid. Menurut beliau, Hasan al-Banna adalah salah seorang tokoh yang dijanjikan Rasulullah s.a.w. setiap seratus tahun. Dengan organisasi Ikhwanul Musliminnya Hasan al-Banna mengajak manusia kepada ajaran Islam yang mengandungi petunjuk kehidupan manusia secara lengkap. Agus Hakim (1979) menulis buku *Riwayat Hidup Hasan al-Banna*, Buku ini membentangkan sejarah hidup Hasan al-Banna yang dikenal sebagai seorang da'i dinamik dan lincah, seorang pengasuh yang bijak, seorang pejuang dan pemimpin yang cekap.

Mahmud Muhammad Jauhar, (1980), bukunya yang bertajuk *Al-Akhawāt Al-Muslimāt wa Binā 'Al-Usrah Al-Qur'āniyah* atau Akhwat Muslimah dan Pembinaan Keluarga Qur'ani menjelaskan tentang kedudukan wanita sebagai penentu bahagi masa depan peradaban manusia. Oleh kerana itu beliau mengasaskan untuk membina para wanita secara Islami sesuai dengan petunjuk Allah dan Rasul-Nya. Tulisan ini mendapat aspirasi dari program usrah yang telah dilaksanakan oleh Hasan al-Banna dalam menjalankan usahanya untuk mengembalikan ajaran Islam kepada negeri Mesir.

Amin Rais (1981), yang juga bekas ketua Dewan Pimpinan Pusat (DPP) Muhammadiyah Indonesia, dalam menyelesaikan pengajiannya pada peringkat Phd. di Universiti of Chicago, telah menulis tesis dengan judul *The Moslem Brotherhood in Egypt: Its Rise, Demise and Resurgence* (Ikhwanul Muslimin di Mesir: Kelahiran, Keruntuhan dan Kebangkitan Kembali). Menjelaskan bagaimana peranan Ikhwanul Muslimin dalam menghadapi penjajahan Inggeris dan situasi masyarakat yang tersesat di jalan terang. Tesis tersebut turut menggambarkan bagaimana keadaan Mesir sebelum kelahiran Ikhwanul Muslim. Kerana pergerakannya yang sangat agresif akhirnya organisasi tersebut di hancurkan oleh Jamal Abdul Naşir. Meskipun telah dibubarkan, namun roh jihad para ikhwan tidak mampu dihancurkan bahkan sebaliknya organisasi ini terus berkembang di luar Mesir.

Abu Sufian Abd. Ghani. (1999/2000), dalam tesis sarjannya bertajuk *Pembinaan Peradaban Ummah: Pemikiran dan Pendekatan Hasan Al-Banna*, Tesis ini menilai pemikiran dan pendekatan yang telah dicetuskan oleh Imam Hasan al-Banna dalam usaha pembinaan peradaban ummah. Kajian ini difokuskan kepada tiga aspek utama. Pertama, pemikiran dan idea-idea yang dikemukakan Hasan al-Banna dalam usaha pembinaan peradaban ummah. Kedua, menjelaskan pendekatan-pendekatan yang digunakan Hasan al-Banna dalam usaha merealisasikan idea-idea dan pemikiran beliau. Ketiga, melihat sejauh mana reaksi dari pelbagai pihak sama ada mereka yang menyokong mahupun yang menentang idea-idea dan pemikiran dan juga pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan.

Kajian ini merumuskan bentuk kefahaman Islam yang menyeluruh sebagaimana yang diperjuangkan Hasan al-Banna adalah sesuatu yang perlu dikaji dan dipersembahkan kepada masyarakat hari ini yang hanyut dengan pemikiran sekular, sebagaimana yang dihadapi oleh masyarakat semasa hayatnya dipermulaan abad ke-20

Mohammad Redzuan Othman, (1999), menulis artikel bertajuk *Mengapa Ikhwan Gagal?*. Artikel ini membahas tentang Ikhwanul Muslimin yang ditubuhkan oleh Hasan al-Banna. Organisasi ini telah memberi sinar baru kepada kebangkitan semula Islam setelah tumbangnyanya khalifah Uthmaniyyah di Turki. Walau bagaimanapun kebangkitan semula Islam kurang disenangi oleh puak dan pihak-pihak tertentu sehingga akhirnya Hasan al Banna dibunuh pada malam 12 Februari 1949.

Kegagalan yang dimaksud adalah masalah kepimpinan Ikhwan al-Muslimin yang menurutnya bertambah kacau pada waktu proses pergantian pemimpin (8 Oktober 1953) dimana Hasan al Hidaybi dipilih sebagai Mursyid Am Ikhwanul Muslimin pengganti Hasan al-Banna. Dalam pemilihan ini kumpulan Salah Mustapha Ashmawi telah tersingkir daripada majlis syura. Kumpulan ini bertindak merampas ibupejabat al-Ikhwan dan memaksa al Hidaybi meletakkan jawatan.

Selanjutnya sebuah buku yang berjudul *Dakwah dan Tarbiyah Pandangan Hasan al-Banna* (1989). Buku yang dikarang oleh Abbas As-Sissi ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Mohd. Tahir Mengati. Dalam buku ini dibahas secara jelas tentang pendekatan dakwah Hasan al-Banna. Beliau menyeru kepada seluruh pelaksana dakwah agar mencontohi perjuangan Rasulullah s.a.w. dan menekankan aspek tarbiah di kalangan pengikutnya dan dakwah kepada masyarakat. Buku ini juga memaparkan beberapa pandangan beliau di dalam dakwah dan tarbiah untuk dijadikan sebagai panduan para da'i masa kini.

Pada 21 hari bulan Jun 2004, Buletin Online telah mempublikasikan tulisan Meli yang bertajuk, *Hasan Al-Banna: Satu Perjuangan Yang Kental Dan Berani*. Tulisan ini memaparkan kisah Hasan al-Banna sebagai seorang pejuang Islam yang bersemangat dan berani menentang pemerintah Mustafa Kemal Ataturk dan Perdana Menteri Ibrahim Abdul Hadi. Mereka mengenenpikan perlaksanaan Islam sebagai *al-din* dalam kehidupan masyarakat Muslim dan mengagung-agungkan budaya dan sistem pemerintahan barat, akibatnya Hasan al-Banna di hukum bunuh.

Fathi Yakan, menulis buku yang berjudul *Mānhājiyyah Al-Imām Al-Syahīd Hasan al-Bannā wa Madrīs al-Ikhwān al-Muslimīn*. Buku ini telah diterjemakan oleh Fauzun Jamal dan Alimin (1998) dengan tajuk *Revolusi Hasan al-Banna*. Buku ini menjelaskan posisi sebenar Hasan al-Banna dari sisi historis dan latar belakang pemikiran dakwahnya. Beliau menjelaskan mengenai kedudukan Hasan al-Banna dalam gerakan dakwah dan pengaruhnya di Mesir, sehingga ramai pengikut yang setia terhadap segala bentuk perjuangannya. Menurutnya, partisipasi masyarakat dalam Ikhwanul Muslimin di Mesir pada masa itu menunjukkan keberhasilan dakwahnya.

Hasan Al-Banna, (t.t), *Muzākkirat Al-Da'wah wa Al-Dā'iyah*. Catitan-catitan perjuangan Hasan al Banna selama di Mesir dalam usahanya menegakkan ajaran Islam secara murni. Ahmad Isa 'Asyur (1985), menggumpulkan risalah-risalah ceramah pada setiap hari Selasa Hasan Al-Banna dan menjadikannya sebuah buku dengan tajuk *Majmū'ah al-Rasāil Hasan al-Bannā*. Ceramah-ceramah beliau mengandungi tentang kedudukan Al-Qur'an al-Karim, Sirah Nabawiyah, *Hadith al-Thulatha* Perbaiki Diri dan Masyarakat.

Selanjutnya Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya yang berjudul *Al Ikhwān al Muslimīn : 70 'Amān fī Da'wah wa al-Tarbiyah wa Jihād*, buku ini menghuraikan tentang kesan dan pesan tentang al-Ikhwan al-Muslimun, bahkan berbagai keraguan, tuduhan, fitnah mahupun ejekan. Dengan begitu baiknya beliau menjawab satu demi satu tentang dakwah, pendidikan dan jihad yang menjadi unsur pertama dalam gerakan Ikhwanul Muslimin.

Yusuf al-Qaradawi juga menulis sebuah buku yang bertajuk *Nahwā Wahdātīn Fikriyāh li al-Amālinā li al-Islām* yang dialih bahasakan oleh Asrorun Ni'am Sholeh (2001), dalam bukunya yang berjudul *Gerakan Pengamalan Islam Secara Kaffah; tafsir otentik pemikiran Ikhwanul Muslimin tentang Islam*. Buku ini memberi gambaran

bagaimana keadaan manusia dalam memahami Islam. Banyak diantara mereka menterjemahkan Islam secara sempit. Di tengah kenyataan tersebut, maka Hasan al-Banna dan Ikhwanul Muslimnya mencuba untuk memberikan gagasan "Islam Universal" yang mencakup segala aspek kehidupan.

Seorang intelektual Muslim yang bernama Juma'ah Amin Abdul Aziz mengarang sebuah buku yang berjudul *Manhāj al-Imām al-Bannā: Al-Thawābit wa al-Mutāghayyirāt* yang dialih bahasakan oleh Tate Qomaruddin (2001) dengan tajuk *Thawabit Dalam Manhaj Gerakan Ikhwan, Analisis Terhadap Prinsip-prinsip yang Baku dan Dinamis dalam Manhaj Gerakan Ikhwanul Muslimin*. Buku ini menjelaskan sepuluh *thawabit* jamaah ikhwan, iaitu; Nama Jamaah, 'Amal jama'i, Tarbiyah, Usrah, Sumber-sumber pembelajaran menyeluruh, *Syura*, menghormati peraturan jamaah, pilihan fiqih jamaah dan *ghayah* jamaah.

Satu lagi buku yang ditulis oleh Muhammad Sayyid al-Wakil, dengan berjudul *Kubrā al-Ḥarakat al-Islāmiyyah fī al-Qārni Rabi' al-'Asyarah Hijri* yang diterjemahkan oleh Fachruddin (2001) dengan tajuk *Pergerakan Islam Terbesar Abad ke-14 H, Studi Analisis terhadap Manhaj Gerakan Ikhwanul Muslimin*. Buku ini menjelaskan secara jelas perjalanan dan perjuangan Ikhwanul Muslimin mulai dari kelahiran, perkembangan, sampai kepada usaha-usaha mempertahankan eksistensinya.

Muhammad Hatta (2001), bekas Pengetua Jawatan Agama Sumatera Utara (Indonesia) dalam menyelesaikan program PhD-nya di IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta, telah menulis tesis yang berjudul *Al-Ikhwanul Muslimun ; Kajian dari Konsep dan Strategi Dakwah*. Tesis tersebut mengkaji tentang bentuk-bentuk dakwah yang dilaksanakan oleh Ikhwanul Muslimin. Dalam penjelasannya, strategi dakwah Ikhwanul Muslimin lebih menyentuh kepentingan masyarakat daripada mengkaji teori.

Syarah kepada *Uṣūl al-'Isyirīn* yang bertajuk *Al-Nahj al-Mubīn li syarhi al-Uṣūl al-'Isyirīn* ditulis oleh Abd Qasim al-Wasyli. Buku ini telah diterjemahkan oleh Kamal

Fauzi, Ahmad Zubaidi dan Jasiman (2001) dengan tajuk *Menyelami Samudra 20 Prinsip Hasan al-Banna*. Dalam buku tersebut dijelaskan tentang prinsip-prinsip Islam, yang harus diketahui oleh generasi penerus, pengikut khususnya dan khalayak kaum muslimin umumnya, agar mereka tidak keluar dari ketentuan yang telah digariskan dalam al-Qur'an, hadith dan petunjuk *salaf al-saleh* dalam memahami ajaran agamanya.

Muhammad Abdul Hamid (2001), dalam buku karangannya yang berjudul *100 Pelajaran dari Para Pemimpin Ikhwanul Muslimin*, buku ini memberikan gambaran betapa mulianya sifat dan watak orang-orang Ikhwanul Muslimin baik dalam kehidupan peribadi ataupun dakwah disebabkan mereka telah dibentuk oleh nilai-nilai Islam yang telah menyatu dalam diri. Dalam buku ini terdapat gambaran bagaimana seharusnya keperibadian para pemimpin Islam.

Nurdin Mazaya Zulkifli (2003), dalam artikel yang bertajuk *Urgensi 'Atifah dalam dakwah*, artikel ini menjelaskan serta menghuraikan tentang *'Atifah (emotional-sentiment)* sebagai salah satu metod yang dilaksanakan Hasan al-Banna dalam menjalankan tugas-tugas dakwah. *'Atifah* merupakan perasaan kemanusiaan yang harus ada pada setiap da'i dalam usaha menyelamatkan umat manusia dari kesesatan hidup di dunia dan siksa pedih di neraka.

Dalam buku *Dakwah dan perubahan sosial* yang di susun oleh Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot (2000), berisikan sumbangan makalah dakwah dan kemasyarakatan. Dalam buku tersebut terdapat sebuah makalah yang ditulis oleh Sulaiman Ibrahim bertajuk *Tarbiah da'awiah untuk golongan remaja: Suatu tinjauan terhadap manhaj al-Ikhwan al-muslimin*. Makalah ini membincangkan tentang suatu tinjauan terhadap pendekatan dakwah Ikhwanul Muslimin dalam membina dan mendidik golongan *syabab* (pemuda/remaja) yang menjadi nadi kepada pergerakan Islam sedunia

Selain buku-buku yang berhubungkait dengan Hasan al-Banna dan Ikhwanul Muslimin, terdapat juga para intelektual yang menulis tentang dakwah dan Muhammadiyah di antaranya adalah Kuntowijoyo, (1995), telah menulis tentang *Intelektualisme Muhammadiyah Menyongsong Era Baru*. Buku ini membincangkan tiga tema menarik berkaitan dengan perubahan-perubahan yang akan dialami Muhammadiyah dalam memasuki abad ke-21. Bahagian pertama, enam tokoh intelektual Muhammadiyah mencuba menyoroti corak intelektualisme Muhammadiyah dan kaitannya dengan tokoh kepemimpinan yang sesuai untuk dikembangkan dalam organisasi Muhammadiyah masa kini. Bahagian kedua, beberapa tokoh penting Muhammadiyah menyoroti ke mana Muhammadiyah mengembangkan gerakan sosial-politik dan ekonominya. Bahagian ketiga, beberapa tokoh muda Muhammadiyah membincangkan soal kelanjutan generasi dalam organisasi Muhammadiyah.

Mustafa Kamal Pasha dan Ahmad Adabi Darban, bersama-sama menulis buku bertajuk *Muhammadiyah sebagai Gerakan Islam*. Buku ini memberi gambaran tentang kedudukan Muhammadiyah sebagai gerakan dakwah *al-Amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar* telah membuat ramai orang bersimpati kepadanya dan akhirnya menjadi penyokong setia. Terutamanya setelah berhasil mempertahankan persyarikatan ini tidak terpengaruhi dengan aktiviti dan keterlibatan dalam politik.

T.H. Thalhas dalam bukunya yang bertajuk *Alam Pikiran K.H. Ahmad Dahlan dan K.H.M. Hasyim Asy-'Ari ; Asal usul dua kutub gerakan Islam di Indonesia*. Kedua tokoh pemimpin umat Islam Indonesia ini telah membina, menghimpun ribuan ulama dan cendekiawan muslim, yang mahir dan cekap mentadbir perspektif pembangunan umat Islam di Nusantara. Berkat jasa dan perjuangan kedua tokoh ini, Pemerintah Indonesia telah memberikan kehormatan sebagai pahlawan Kemerdekaan Nasional.

M.A. Fattah Sentosa, Maryadi (2001) adalah editor buku yang bertajuk *Muhammadiyah Pemberdayaan umat ?*. Buku ini berusaha untuk mengkeritik

kedudukan organisasi Muhammadiyah yang telah membuktikan diri sebagai salah satu organisasi yang peduli terhadap peningkatan kualiti umat.

Selain buku-buku yang dikarang oleh para cendekiawan Muhammadiyah, ramai para peneliti mengkaji tentang Muhammadiyah untuk dijadikan tesis Master mahupun PhD. Antaranya adalah Alwi Shihab. Beliau pada tahun 1998 telah membuat sebuah tesis yang bertajuk *Membendung Arus: Respon Muhammadiyah terhadap Penetrasi Misi Kristian di Indonesia*, dengan fokus kajian, usaha-usaha Muhammadiyah dalam menghadapi proses Kristianisasi di Indonesia. Menurutnya untuk menghadapi usaha-usaha Kristianisasi kaedah yang digunakan Muhammadiyah sama seperti yang digunakan oleh kaum misionaris Kristian, seperti membina sekolah-sekolah am, klinik-klinik dan hospital dan rumah-rumah anak yatim.

Ramai tokoh terkemuka, baik yang berada di luar mahupun yang terlibat langsung dalam Ikhwanul Muslimin dan Muhammadiyah menulis bagaimana pengalaman mereka berinteraksi dengan gerakan ini. Dari sekian banyak buku dan karya ilmiah samada artikel mahupun tesis, yang menelaah tentang pemikiran dakwah Hasan al-Banna dan gerakan Muhammadiyah di Indonesia, mulai dari mencuba menganalisis dan mengkaji berbagai konsep, kebijakan bahkan ada yang membahas tentang pergerakan para kadernya.

Dengan berbagai analisis, mereka hampir sepakat bahawa gerakan ini telah mencatat sejarah bagi gerakan dakwah Islam di Mesir dan di Indonesia serta negara-negara Islam lain, hingga bergema di seluruh dunia. Namun setakat ini belum ada penulis yang secara objektif mengkaji pengaruhnya pemikiran dakwah Hasan al-Banna terhadap gerakan Muhammadiyah di Indonesia. Hal ini penting dikaji untuk membuktikan apakah gerakan Muhammadiyah dipengaruhi oleh pemikiran dakwah Hasan al Banna. Oleh itu pengkaji sangat tertarik untuk mengkajinya secara lebih mendalam.

dengan menggerakkan sekumpulan pemuda, yang kemudian berdakwah di kedai-kedai kopi.²⁹ Dakwahnya mendapat sambutan luas di kalangan umat Islam Mesir. Hal ini terbukti melalui sokongan yang diterimanya daripada buruh, petani, hingga kepada ilmuan, ulama, doktor dan sebagainya.

Keadaan ini tidak menghairankan kerana dalam berdakwah al-Banna tidak pernah membezakan antara bangsa dan agama. Ini jelas apabila berdakwah, al-Banna lebih suka menggunakan ayat "wahai umat manusia" berbanding menggunakan kata-kata "wahai bangsa Arab" atau "wahai kaum Muslimin".³⁰ Menurut beliau sebutan "wahai manusia" mengarah kepada seluruh umat manusia tanpa memandang perbezaan asal-usul, bangsa dan agama. Bersandar kepada nilai-nilai dakwah yang bersifat sederhana dan universal tersebut, maka tidak hairanlah apabila dakwahnya berjalan dengan baik dan lancar.

Setelah menjalankan misi dakwahnya di Isma'iliyah, maka pada tahun 1932 beliau dan gerakannya berpindah ke Kaherah (Mesir) untuk mengembangkan pemikiran dan gerakan dakwah di sana. Setelah beberapa lama di Kaherah (1352 H/1933M) beliau berhasil menghimpun para cendekiawan dan mencadangkan agar mereka menerbitkan majalah. Berkat kegigihan dan kerjasama antara sesama mereka maka pada tahun 1357 H./1938. M wujudlah sebuah akhbar mingguan bernama "*Al-Muslimūn*" yang dipimpin oleh Muhibuddin Khatib (1303-1389.H/1886-1969 M). Kemudian, pada tahun 1367. H/1947 M. terbit pula majalah *Al-Nazir* dan *Al-Syihāb*.³¹

Di Indonesia pada tahun 1912, telah muncul sebuah organisasi keagamaan yang berjiwa sosial. Pertubuhan ini lahir sesuai dengan keperluan rakyat Indonesia, yang pada saat itu dalam keadaan yang sangat menyedihkan. Lahirnya pertubuhan ini

²⁹ Anwar al-Jundi, *Ḥasan al-Bannā, al-Dā'iyah al-Imām wa al-Mujaddid al-Syāhid*, hal.50. Lihat Hasan Al-Banna, (Terj.) Saifuddin Abu Sayyid & Hawin Murtadho, *Memoar Hasan Al-Banna, Untuk Dakwah dan Da'inya*, hal., 84

³⁰ Anwar al-Jundi, *Ibid*.

³¹ Anwar al-Jundi, *Ḥasan al-Bannā, al-Dā'iyah al-Imām wa al-Mujaddid al-Syāhid, Ibid*. Lihat Agus Hakim, *Riwayat Hidup Hasan al-Banna*, hal.62

1.4. Batasan Kajian.

Bagi mengarahkannya kepada pencapaian matlamat kajian yang telah dirumuskan di atas, terdapat beberapa perkara yang perlu diperhatikan dan dibuat pembatasan.

Penyelidikan ini, lebih menumpukan kepada pemikiran dakwah Hasan al-Banna semenjak beliau mengambil tahu terhadap permasalahan umat Islam di Mesir sampailah wafatnya. Idea, konsep serta hasil pemikiran beliau akan dianalisis untuk dicari pengaruhnya terhadap gerakan dakwah Muhammadiyah di Indonesia. Perbincangan ini tidak mengkaji kepada pemikiran Ahmad Dahlan kerana beliau adalah salah seorang pengasas Muhammadiyah. Sedangkan selepas beliau (1912-1923) Muhammadiyah diterajui oleh individu-individu lain silih berganti, sampai sekarang Muhammadiyah masih wujud dan dipimpin oleh Din Damsuddin (2005-2010).

Dipilihnya Muhammadiyah sebagai kajian dalam tesis ini kerana Muhammadiyah merupakan organisasi keagamaan terbesar di Indonesia dan sampai sekarang masih wujud dan aktif menjalankan program-program dakwahnya. Isu yang ditonjolkan dalam kajian ini adalah yang berhubung kait dengan aspek pemikiran, aktiviti-aktiviti dan kaedah dakwah yang dilaksanakan oleh Hasan al-Banna dan Muhammadiyah.

1.5. Kepentingan Kajian

Hasan al-Banna sangat prihatin dengan tindakan British yang memperbudakkan bangsanya terutama ketika umat Islam sedang menghadapi permasalahan akibat daripada penjajahan yang menyingkirkan kerajaan Turki Uthmani dan Mustafa Kemal Atatürk menyingkirkan sistem khalifah Islam lalu memproklamasikan negara sekular.²⁸ Keadaan tersebut membuat Al-Banna beraksi untuk mempertahankan Islam dari usaha-usaha penjajah yang ingin menghancurkan ajaran Islam di bumi Mesir dengan pendekatan dakwah. Dakwah al-Banna dimulai

²⁸ Yusuf al-Qaradawi. *Al-Tarbiyyah Al-Islāmiyyah wa Madrasah Ḥasan Al-Bannā*, hal. 20.

mendapat sokongan dari bekas murid-murid K.H. Ahmad Dahlan, seperti Haji Abdoellah Sirat dan Raden Ketib Tjendana Haji Ahmad.³²

Sebagai organisasi yang berasaskan Islam,³³ tujuan Muhammadiyah yang paling penting adalah untuk menyebarkan agama Islam,³⁴ baik melalui pendidikan mahupun kegiatan sosial lainnya. Selain itu meluruskan keyakinan yang menyimpang serta menghapuskan perbuatan yang dianggap oleh Muhammadiyah sebagai bid'ah.³⁵ Di samping itu organisasi ini melaksanakan praktek-praktek ibadah yang hampir-hampir belum pernah dikenal oleh masyarakat sebelumnya, seperti sholat Hari Raya di padang, mengkoordinir pembahagian zakat dan lain-lain.

Disebabkan Indonesia dikuasai oleh kolonial Belanda, maka zending agama Kristian tumbuh dengan subur, sehinggalah usaha-usaha untuk mengkristiankan masyarakat Muslim sangat nyata. Melihat keadaan tersebut, Muhammadiyah berusaha untuk menandingi para zending (pendakwah Kristian) tersebut dengan kegiatan sosial,³⁶ dan akhirnya dapat menghambat perkembangan zending ke daerah-daerah lain.

Dengan kegiatan-kegiatan yang demikian Muhammadiyah dikenal sebagai sebuah organisasi sosial keagamaan yang ada ditengah-tengah masyarakat Islam yang sedang menghadapi krisis, dengan gaya dan kaedah yang khas, tanpa menimbulkan kecurigaan pemerintah kolonial.

³² Alfian, (Disertasi), *Islamic Modernism in Indonesia Politics: the Muhammadiyah Movement During the Dutch Colonial Period 1900-1942*, hal. 241-242

³³ Asas Muhammadiyah baru dirumuskan pada tahun 1953 setelah Muktamar ke-22 di Purwokerto dengan menyebutkan bahawa asas organisasi adalah Islam. Lihat, Muqadimah Anggaran Dasar Muhammadiyah, (t.th), hal. 8. Asas ini berubah menjadi Pancasila setelah keluarnya Undang-Undang No.8Th.1985. Lebih lanjut lihat Lukman harun,(1986), Muhammadiyah dan Asas Pancasila, hal. 79-99.

³⁴ Rumusan tujuan Muhammadiyah yang pertama menyebutkan bahawa tujuan Muhammadiyah adalah menyebarkan ajaran Nabi Muhammad S.A.W. kepada bumiputra di dalam Karesidenan Yogyakarta dan memajukan hal agama kepada anggota-anggotanya. Lihat, *Statooten Moehammadiyah*, Artikel 2, Th. 1928, hal. 9-10 (teks disesuaikan dengan pedoman Ejaan Yang Disempumakan). Tujuan ini mengalami perubahan sebanyak lima kali sesuai dengan situasi dan kondisi politik yang terjadi di Indonesia.

³⁵ Antara lain, penghormatan terhadap Syekh Abdul Qadir al-Jailani, Syekh Saman dan lain-lain, yang dikenal dengan "manakiban". Selain itu membaca berzanji, perayaan haul. Lihat, Mustafa Kamal, dkk, *Muhammadiyah Sebagai Gerakan Islam*, hal. 35-36

³⁶ Kegiatan tersebut antara lain mendirikan rumah anak yatim dan fakir miskin, hospital, organisasi Pengakap dan lain sebagainya. Lihat, Mustafa Kamal, hal. 38

Dari huraian tersebut di atas, maka jelaslah bahawa antara Hasan al-Banna (Mesir) dengan K.H. Ahmad Dahlan (Indonesia) sama-sama pernah mengalami situasi pergolakan umat. Di mana umat Islam Mesir, menghadapi tekanan dari kerajaan dan penjajah dan meluasnya usaha-usaha sekularisasi dan westernisasi. Sementara di Indonesia terjadi usaha-usaha pembodohan umat yang dilaksanakan oleh pemerintah kolonial dan berkembangnya amalan-amalan tahyul, bid'ah dan kurafat serta menekan perekonomian umat Islam. Menghadapi permasalahan tersebut, maka mereka walaupun berbeza negara tetapi memiliki persamaan dalam menghadapi pergolakan yang dimaksud. Adapun cara yang digunakan oleh kedua tokoh pergerakan tersebut dalam menghadapi situasi pada masa itu adalah melalui pendekatan dakwah.

Kajian ini menumpukan kepada perihal dakwah yang dilaksanakan di Mesir dan di Indonesia. Selain itu, kajian ini akan membahas tentang pemikiran dakwah yang dipelopori oleh Hasan al-Banna yang lahir pada tahun 1906 dan meninggal pada tahun 1949. Beliau telah banyak meninggalkan jejak perjuangannya di negeri Mesir dan negara-negara Islam lainnya termasuk di Indonesia.

Indonesia, sejak zaman pemerintahan kolonial Belanda berkuasa telah mengalami bermacam permasalahan yang menyangkut kehidupan masyarakat, terutamanya tentang agama dan sosio-ekonomi. Keberadaan kolonial Belanda di Indonesia sangat mempengaruhi sistem kehidupan masyarakatnya, sehingga menjadi penyebab terjadinya kesesatan dan kesengsaraan.

Menyedari keadaan tersebut, maka K.H. Ahmad Dahlan pada 18 November 1912 mendirikan sebuah pertubuhan yang diberi nama Muhammadiyah. Melalui organisasi inilah K.H. Ahmad Dahlan berusaha untuk meluruskan aqidah masyarakat yang telah terpesong dan melaksanakan amalan sosial yang lainnya.

Dakwah yang dilaksanakan oleh kedua tokoh ini sangat menarik untuk dikaji, kerana pemikiran dakwah Hasan al-Banna akan dikaji dan dianalisis untuk dilihat sejauh mana pengaruhnya terhadap aktiviti dakwah organisasi Muhammadiyah yang

sampai sekarang masih memainkan peranan dalam masyarakat di Indonesia. Selain itu, dapatan dalam kajian ini nantinya akan memberikan sumbangan besar bagi perkembangan ilmu keislaman serta turut menambah warisan intelektual bagi pemikir-pemikir Islam.

Selain itu hasil kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan bagi pengkaji dan pembaca yang berminat mendalaminya. Tesis ini juga diharap akan menjadi input utama dalam proses pembinaan insan dalam organisasi Islam, serta berguna untuk mengemukakan cadangan, perubahan dakwah ke tahap yang lebih baik pada masa hadapan. Selain itu kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan bahan pertimbangan dalam usaha menentukan kebijaksanaan dalam pengembangan dakwah *Islamiyyah*, baik di peringkat nasional, serantau, mahupun antarabangsa.

1.6. Objektif kajian:

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dikemukakan di atas, maka objektif kajian ini adalah :

1. Untuk menjelaskan bagaimana dasar-dasar pemikiran dakwah Hasan al-Banna di Mesir.
2. Untuk mengetahui usaha dan kaedah dakwah yang dilaksanakan oleh Muhammadiyah di Indonesia.
3. Ingin mengkaji sejauh mana pemikiran dakwah Hasan al-Banna berpengaruh terhadap gerakan Muhammadiyah di Indonesia.

1.7. Kaedah Kajian

Kajian mengenai pemikiran dakwah Hasan al-Banna akan menggunakan kaedah penyelidikan sejarah yang dapat diertikan sebagai proses menguji dan menganalisis secara kritis rakaman sejarah dan peninggalan masa lalu.³⁷ Menurut

³⁷ Louis Gottschalk, *Mengerti Sejarah* (trj.) Nograho Nutosusanto, hal. 32.

Louis, antara kajian yang dapat menggunakan metodologi sejarah ialah kajian biografi yang menyelidiki pemikiran seseorang.³⁸ Antara tujuan penyelidikan sejarah ialah untuk membuat rekonstruksi masa lampau secara sistematik dan objektif dengan cara mengumpul, menguji dan membangun serta mengembangkan bukti-bukti masa lalu untuk kegunaan masa kini dan akan datang.³⁹ Berkenaan dengan rekonstruksi masa lalu dan hubungannya dengan penulisan biografi, Sartono berpandangan bahawa :

Rekonstruksi biografi amat memerlukan imajinasi yang benar agar supaya dapat dibuat 'sulaman' yang indah dari biodata yang tersedia, tentu saja tanpa menyimpang historis. Memang tetap menjadi tuntutan untuk memakai dasar bukti-bukti sejarah, antara lain dokumen-dokumen. Lebih dari cerita sejarah lainnya biografi memerlukan 'empathy' atau *em fuhlung* seperti yang digariskan oleh Dilthey sebagai metodologi interpretif. Dengan *empathy* itu kita dapat menempatkan diri seolah-olah ada di dalam diri si tokoh, bagaimana emosinya, motivasi dan sikapnya, persepsi dan konsepsinya kesemuanya dapat direproduksi pada diri sejarahwan. Di samping itu sejarahwan juga dituntut untuk mengindahkan *historical-mindedness*, iaitu bagaimana kita menempatkan diri dalam konteks zamannya, Hal ini juga memerlukan *empathy* tersebut.⁴⁰

Kajian mengenai Muhammadiyah akan menggunakan kajian kepustakaan (library research), ertinya mengkaji rujukan-rujukan yang berhubungkait dengan permasalahan kajian. Untuk mencapai hasil yang diharapkan, kajian ini menggunakan kaedah analisis isi (*Content Analysis*).⁴¹ Ertinya menganalisis rujukan-rujukan skunder dan primer serta rujukan lainnya yang ada kaitannya dengan kajian ini. Untuk menjelaskan dan membandingkan pemikiran Hasan al-Banna dalam gerakan Muhammadiyah penulis menggunakan analisis perbandingan (*comprative analysis*)⁴² terhadap rujukan-rujukan yang ada.

Sebelum penyelidikan dilakukan, pengkaji akan melakukan langkah-langkah seperti berikut :

- a. *Holistik*, yang bererti mencari dan menghimpun jejak-jejak atau sumber yang ada di berbagai-bagai tempat.

³⁸ Gottsschlalk, *Ibid*, hal. 125.

³⁹ Suwardi Suryabrata, *Metodologi Penelitian*, hal. 16.

⁴⁰ Sartono Kartodirdjo, *Pendekatan Ilmu Sosial dalam Metodologi Sejarah*, hal. 74-75.

⁴¹ Mengenai analisis isi (*content Analysis*) lihat Klaus Krippendorff, hal. 34

⁴² Janathon Green, *Dictionary of Jargon*, hal. 133

- b. *Kritik*, yang digunakan untuk penyelidikan, apakah sumber-sumber yang ditemukan benar-benar asli (*authentic*).
- c. *Interpretasi*, membuat penafsiran terhadap hasil penyelidikan. Di dalam penafsiran ini penyelidik akan menulis hasil kajiannya.

1.7.1 Kaedah pengumpulan data

Untuk mengumpul data, penulis melakukan langkah-langkah seperti, kajian kepustakaan baik yang ada di Indonesia mahupun Malaysia. Perlu diketahui bahawa koleksi buku-buku Hasan al-Banna terdapat di Pusat Islam Kuala Lumpur dan universiti-universiti lain yang ada di Malaysia. Selain data mengenai Hasan al-Banna, kajian ini juga memerlukan buku atau bahan bacaan lainnya yang berhubungan dengan dakwah, organisasi Muhammadiyah dan pergerakannya mulai sejak didirikan sampailah ke era masa kini.

Buku dan bahan bacaan lainnya baik berupa tesis, artikel yang berkaitan dengan organisasi Muhammadiyah di Indonesia. Bahan-bahan tersebut terdapat di perpustakaan, baik perpustakaan Universiti Muhammadiyah ataupun universiti lain yang ada di Indonesia. Semua data yang ada di Malaysia mahupun Indonesia dijadikan sumber untuk mendapatkan fakta teori yang relevan yang dikemukakan oleh para pakar atau ulama dalam bidang berkaitan.

1.7.2. Kaedah analisis

Dalam menganalisis data, kajian ini menerapkan cara analisis diskriptif (*wasfiyyah*), kualitatif (*mi'yāriyyah*) dan kritis tanpa hipotesis. Walaupun penekanannya ada mengandungi pendekatan sejarah, penggunaan kaedah tersebut secara nyata adalah melalui langkah-langkah seperti berikut:

- 1.7.2.1. *Deduktif (Istinbāti)*, iaitu cara-cara membuat kesimpulan daripada beberapa data yang bersifat umum bagi dijadikan dasar untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus.